



INSIDEN TALI TERTARIK - ORANG TERJATUH

Dua set tali penambat telah dipasang oleh juruteknik capaian tali Tahap 3 dari bumbung sebuah bangunan dan kemudian dicampak ke bahagian bawah di antara dua balkoni. Dari balkoni bawah, rancangannya ialah supaya dua juruteknik menarik tali yang turun dari bumbung, untuk menghilangkan kekenduran tali di atas dan menurunkan selebihnya ke bawah dengan pelindung tali atau lencongan, jika perlu. Dari balkoni bawah ini juruteknik Tahap 2 dan 3 akan mula turun secara selari. Juruteknik Tahap 2 menegaskan bahawa dia tergantung seketika semasa bersedia untuk turun, sebelum dia tiba-tiba terjatuh 12-15 meter dengan hentaman ringan semasa jatuh, terhenti di atas orang di bawahnya, hanya 2 meter dari bawah. Juruteknik Tahap 3 turun dengan segera dan dapat melepaskan mangsa dengan berdiri di atas struktur berhampiran bahagian bawah tersebut. Mangsa dibawa ke hospital, tetapi tidak mengalami tulang patah.

Analisis insiden/ kaedah pengawalan

- Juruteknik tersebut sebenarnya telah turun beberapa kali sebelum ini tanpa kecelakaan. Juruteknik Tahap 2 sebenarnya telah menarik tali penambatnya dan menyangkakan semuanya baik sebelum dia menakik turun. Satu-satunya penjelasan hanyalah tali tersebut telah terkumpul pada satu tempat di atas balkoni kedua dan telah tertarik sebelum terlepas dengan mendadak.
- Secara idealnya tali penambat sepatutnya diperiksa secara visual untuk memastikan tiada pertambahan kekenduran di antara penambat dan titik capaian yang boleh menyebabkan ia tertarik dan terlepas dengan mendadak. Dalam hal ini, tidak mungkin bahagian atas atau bawah balkoni dapat dilihat dari atas bumbung, manakala dari kedudukan bahagian bawah balkoni tidak mungkin bahagian atas balkoni dapat dilihat.
- Jika ada orang yang memeriksa di bahagian bawah, sepatutnya boleh dilihat sama ada kedua-dua tali penambat mencecah ke bawah dan panjang yang sama diturunkan.
- Pemeriksaan tidak dilakukan ke atas tali tersebut apabila ia melalui aras atas balkoni di mana ia mungkin tertarik. Pemeriksaan secara visual dari atas adalah mustahil, tetapi dengan meletakkan seseorang di atas dan seorang lagi sama ada di balkoni atau di bahagian bawah, ia sepatutnya membolehkan mereka bergilir-gilir menggoyang atau menarik tali tersebut untuk menentukan sama ada terdapat sebarang kekenduran di antaranya.
- Komunikasi yang secukupnya adalah perlu untuk pemeriksaan ini.
- Mangsa sangat bernasib baik kerana kekenduran dalam sistem tidak lebih besar, jika tidak dia mungkin akan terhempas ke lantai. Faktor jatuh dianggarkan lebih kurang 0.5, namun mungkin juga terdapat sedikit geseran pinggir yang menyumbang kepada penyerapan tenaga, begitu juga dengan pemanjangan tali.

Kesimpulan / Iktibar yang boleh diambil:

Insiden yang boleh membawa maut, disebabkan oleh kegagalan juruteknik capaian tali memeriksa bahawatiada pengumpulan kekenduran di antara penambat dan titik capaiannya yang boleh menyebabkan ia tertarik dan terlepas dengan mendadak.

Tidak relevan secara langsung di dalam hal ini.

Apabila memasang tali penambat di separuh ketinggian atau dengan jarak yang panjang dari titik penambat ke titik capaian, pemanjangan tali perlu diambil kira. Tali yang belum dilepaskan akan meregang dengan tiba-tiba, menyebabkan juruteknik jatuh dengan jarak yang berkadar dengan panjang tali di atas, boleh membawa kepada kecederaan hentaman. Untuk menjamin keselamatan sepatutnya ada penambat yang sesuai pada separuh ketinggian untuk dipegang juruteknik, manakala tali atas ditegangkan untuk menghilangkan kekenduran.

30 Ogos 2009